

Amalan terminologi dan istilah perakaunan dalam penyata kewangan versi Bahasa Melayu oleh syarikat di Malaysia

Abstrak:

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk meneliti penggunaan terminologi dan istilah dalam penyata kewangan syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia. Penelitian dibuat ke atas syarikat adalah selama sepuluh tahun bermula pada tahun 201 sehingga tahun 2010. Sebanyak 234 buah sampel syarikat daripada jumlah populasi syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia iaitu sebanyak 84 buah syarikat pada tahun 2010. Kajian dijalankan berpandukan kepada Financial Reporting Standards (FRS) 101 bagi Pembentangan Pelaporan Kewangan syarikat. Kesemua sampel perlu mempunyai data kewangan menggunakan Bahasa Melayu dalam laporan tahunan. Penelitian yang lebih terperinci dilakukan terhadap penggunaan terminologi yang digunakan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Kewangan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuit dan Penyata Aliran Tunai. Manakala tumpuan istilah yang digunakan terhadap penghutang, pembiutang dan juga stok. Hasil kajian turut membuktikan bahawa tahap penggunaan terminologi dan istilah Bahasa Melayu bagi melaporkan maklumat kewangan dan perniagaan syarikat adalah rendah di kalangan syarikat tersenarai di Bursa Malaysia. Kajian yang dijalankan ini adalah penting kepada kajian lanjutan berkaitan pelaporan penyata kewangan dalam penggunaan terminologi dan istilah dalam Bahasa Melayu sebagai perantara di dalam penyampaian maklumat perakaunan.